

7. Puan Noor Majidah Binti Wallad
Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan

8. Encik Mohd Zamani Bin Harun
(Wakil Setiausaha Bahagian Pengurusan Latihan)

URUS SETIA

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

1. Encik Hamizun Bin Hamzah
Ketua Penolong Setiausaha (PP)

2. Encik Sivanantham A/L Perianan
Penolong Setiausaha Kanan (PP) 2

3. Encik Md Aziman Bin Aziz
Penolong Setiausaha (PP) 3

TURUT HADIR

1. Encik Mohd Hussain Bin Che Mamat
Ketua Penolong Setiausaha Kanan (PQ)
Bahagian Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Y. Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohd Ismail Merican
Ketua Pengarah Kesihatan Timb. Pengerusi
2. Y. Bhg. Dato' Ahmad Bin Haji Kabit
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
3. Encik Mohamad Zabidi Bin Zainal
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
4. Puan Nor'aini Binti Abdul Wahab
Setiausaha Bahagian Pengurusan Latihan

KEHADIRAN

PIHAK PEKERJA

1. Encik Mohd Sabri Bin Abdullah
Pegawai Perhubungan Awam
Unit Perhubungan Awam Pengerusi
2. Dr. Shamsaini Binti Shamsuddin
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perubatan Tradisional Dan Komplementari Naib Pengerusi
3. Encik Idham Halimie Bin Idris
Penolong Setiausaha
Bahagian Kewangan Naib. Setiausaha
4. Encik Abdul Halim Bin Salleh
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (Pengajar)
Bahagian Pengurusan Latihan AJK

5. Tuan Haji Abdul Ghani Bin Yusof
Pembantu Farmasi
Bahagian Perkhidmatan Farmasi AJK
6. Encik Johari Bin Bakar
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pembangunan Kompetensi
7. Puan Siti Zuraidah Binti Sheikh Abdullah
Penolong Pegawai Stor
Bahagian Perolehan dan Penswastaaan
8. Puan Asmah Binti Ismail
Pembantu Tadbir Kanan
Bahagian Perolehan dan Penswastaaan
9. Encik Mohd Hasri Bin Hassan
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi
10. Encik Suhaimi Bin Mohamad
Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi)
Bahagian Sumber Manusia
11. Encik Mohd Yasser Bin Mohd Hadzir
Penolong Setiausaha
Bahagian Dasar Korporat dan Hubungan Antarabangsa
12. Encik Muhd Fahmi Bin Abd Talib
Pegawai Psikologi
Bahagian Khidmat Pengurusan
13. Encik Mohd Azri Bin Abdullah
Pembantu Am Pejabat
Bahagian Khidmat Pengurusan

14. Puan Rasidah Binti Sudin
Pegawai Khidmat Pelanggan
Bahagian Khidmat Pengurusan
15. Encik Hamizul Fadzly Bin Abdul Hashim
Pegawai Akauntan
Bahagian Akaun
16. Puan Rohaya Binti Malek
Pembantu Tadbir Kewangan
Bahagian Akaun
17. Cik Sameerah Binti Shaikh Abdul Rahman
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
18. Puan Maisarah Binti Ahmad
Pembantu Tadbir Kanan
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
19. Encik Mohamad Bin Awang
Pembantu Farmasi
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
20. Puan Nor Azliana Binti Mohamad Nor
Pegawai Zat Makanan
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
21. Dr. Natifah Binti Che Salleh
Pegawai Pergigian
Bahagian Kesihatan Pergigian
22. Encik Abdul Rahman Bin Jaafar
Juruteknologi Pergigian
Bahagian Kesihatan Pergigian

23. Puan Dahlia Binti Baharuddin
Pegawai Sains
Bahagian Kawalan Penyakit

24. Encik Mohamad Suhaimi Bin Adam
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
Bahagian Kawalan Penyakit

25. Tuan Haji Mohd Salihan Bin Dakun
Pembantu Kesihatan Awam
Bahagian Kawalan Penyakit

26. Dr. Nor' Aishah Binti Abu Bakar
Pegawai Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan

27. Cik Vimalathevi a/p Perumal
Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi)
Bahagian Perkembangan Perubatan

28. Dr. Najwa Binti Misjan
Pegawai Perubatan
Bahagian Perancangan dan Pembangunan

29. Puan Laila Rabaah Binti Ahmad Suhaimi
Pegawai Teknologi Makanan
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan

30. Puan Meriam Binti Ali
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan

31. Cik Norjanah Binti Abdul Karim
Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi)
Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari

32. Puan Noraza binti Mohd Ariff
Juruaudit
Cawangan Audit Dalam

33. Encik Ayub Karim Bin Kasim
Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi)
Cawangan Audit Dalam

34. Puan Noraini Binti Abu Hassan
Ketua Jururawat
Bahagian Kejururawatan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Cik Normaya Binti Nordin
Penolong Setiausaha Kanan
Bahagian Sumber Manusia
Setiausaha Bersama

2. Encik Ismail Bin A. Shukor
Pegawai Optometri
Bahagian Amalan Perubatan
AJK

3. Encik Noor Hisham Bin Ismail
Penasihat Undang-Undang
Pejabat Penasihat Undang-Undang
AJK

4. YM Tunku Nur Adnin Binti Tunku Kudin
Pembantu Tadbir (Kewangan)
Bahagian Kewangan

5. Cik Ruzaimah Binti Zabri
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Pengurusan Latihan

6. Puan Aini Hamimi Binti Mohamed Hanapiah
Pegawai Teknologi Maklumat
Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi

7. Tuan Haji Jalalluddin Bin Mustapha
Pemandu Kenderaan
Bahagian Khidmat Pengurusan

8. Puan Habibah Binti Talib
Penyelia Jururawat
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

9. Puan Norizan Mashttah Binti Mardan
Jururawat
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

10. Encik Mohd Lazim Bin Kadir
Pembantu Perubatan
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

11. Matron Seti Samiah Binti Abdul Rahman
Ketua Penyelia Jururawat Pergigian
Bahagian Kesihatan Pergigian

12. Puan Nor Asmah Binti Zainol
Penolong Pegawai Tadbir Kanan
Bahagian Perkembangan Perubatan

13. Cik Maisyrah Binti Samsudin
Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi)
Bahagian Perancangan dan Pembangunan

14. Tuan Haji Muhamad Hakim Bin Hasim
Pembantu Perubatan
Bahagian Amalan Perubatan

15. Tuan Haji Muhamad Najemudin Bin Md Daud
Penolong Pegawai Perubatan
Bahagian Telekesihatan

16. Puan Norziah Binti Mahamud
Pembantu Tadbir Kanan
Bahagian Telekesihatan

17. Puan Aminah Binti Tanggu
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan

18. Cik Norhayati Binti Kassim
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pendidikan Kesihatan

19. Encik Mohd Noor Bihisham Bin Johari
Penyelenggara Stor
Bahagian Pendidikan Kesihatan

20. Puan Noriah Binti Mat Sharif
Penolong Ketua Penyelia Jururawat
Bahagian Kejururawatan

21. Puan Norbaya Binti Baharom
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Kejururawatan

1.0 UCAPAN ALU-ALUAN Y. BHG. DATO' SRI Pengerusi

1.1 Y. Bhg. Dato' Sri Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua Ahli Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan yang hadir dan seterusnya memaklumkan perkara-perkara berikut :

1.1.1 Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) ini adalah yang pertama diadakan pada tahun 2008. Pada tahun 2007, KKM telah berjaya mengadakan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan sebanyak empat (4) kali seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan KKM telah mendapat sijil penghargaan daripada JPA.

1.1.2 Mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Jawatankuasa (AJK) dan mengalu-alukan juga kehadiran ahli baru Wakil Pihak Pekerja bagi sesi 2008-2009. Encik Mohd. Sabri bin Abdullah daripada Unit Perhubungan Awam telah dilantik sebagai Pengerusi Pihak Pekerja yang baru.

1.1.3 Mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua bekas ahli Wakil Pihak Pekerja yang tidak dilantik semula kerana telah melaksanakan tanggungjawab dengan jayanya di dalam Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan, KKM bagi sesi 2006-2007.

1.1.4 Semua Ahli Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan diminta menggunakan submodul HRMIS MBJ yang akan mula diguna pakai pada tahun 2008. Penggunaan submodul HRMIS MBJ ini adalah selaras arahan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) supaya menggunakan submodul HRMIS MBJ di dalam urusan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL. 4 / 2007

2.1 Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Peringkat Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 4 / 2007 disahkan tanpa sebarang pindaan.

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Keahlian dan Keanggotaan Wakil Pihak Pekerja Sesi 2008-2009 (3/2007 – 17 September 2007)

3.1.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa proses pelantikan ahli Wakil Pihak Pekerja sesi 2008-2009 telah selesai. Sijil-sijil pelantikan ahli Wakil Pihak Pekerja disampaikan pada Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bil. 1 / 2008.

Makluman

3.2 Ketidakselesaian Ruang Pejabat (3/2007 – 17 September 2007)

3.2.1 Mesyuarat dimaklumkan Bahagian Khidmat Pengurusan sedang menyediakan kertas kerja mengenai analisa keperluan ruang pejabat tambahan di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia dan akan membentangkan kertas kerja tersebut di dalam Mesyuarat Pagi, KKM.

Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan

3.2.2 Mesyuarat mengambil maklum saranan Y. Bhg. Dato' Sri Pengerusi yang memohon kerjasama semua anggota supaya memahami masalah kekurangan ruang pejabat dan tidak menjadikan ia sebagai penyebab penurunan prestasi kerja yang telah diamanahkan. Ini kerana ruang pejabat yang sedia ada tidak mencukupi untuk menampung keperluan anggota sedia ada. Wakil Pihak Pekerja hendaklah memaklumkan kepada semua anggota masing-masing.

Tindakan : Wakil Pihak Pekerja

**3.3 Meningkatkan Imej Pegawai Khidmat Pelanggan KKM
(3/2007 – 17 September 2007)**

- 3.3.1** Mesyuarat mengambil maklum saranan Y. Bhg. Dato' Sri Pengerusi supaya Pegawai Khidmat Pelanggan menjaga imej kementerian dan menunjukkan profesionalisme dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan bagi meningkatkan imej Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan

**3.4 Kehadiran Ahli-Ahli Pihak Pekerja MBJ
(4/2007 – 30 November 2007)**

- 3.4.1** Mesyuarat dimaklumkan bahawa Wakil-Wakil Pihak Pekerja Majlis Bersama Jabatan, IPKKM bertekad akan memastikan kehadiran dalam mesyuarat MBJ bagi memastikan objektif dan matlamat penubuhan MBJ dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Tindakan : Wakil Pihak Pekerja

**3.5 Kelewatan Penerimaan Pakaian Seragam
(4/2007 – 30 November 2007)**

- 3.5.1** Mesyuarat dimaklumkan oleh Wakil Pihak Pekerja bahawa terdapat anggota yang masih belum menerima pakaian seragam dalam tempoh empat (4) tahun kebelakang bagi skim Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran dan kualiti kain yang diterima adalah tidak memuaskan. Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa terdapat anggota-anggota belum menerima tali leher, tali pinggang dan kasut yang mana ia harus dibekalkan bersama dengan pakaian seragam. Y. Bhg. Dato' Sri Pengerusi meminta Bahagian Khidmat Pengurusan untuk menyemak perkara ini dengan segera.

Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan

3.5.2 Mesyuarat juga dimaklumkan oleh Bahagian Perolehan dan Penswastaan kualiti kain dan warna kain yang dibekalkan kepada anggota adalah hasil daripada hasil perbincangan dan keputusan yang dikeluarkan oleh satu jawatankuasa yang telah dilantik untuk menilai kualiti kain dan warna yang akan dibekalkan kepada anggota KKM. Sekiranya kualiti dan warna yang dibekalkan adalah memenuhi spesifikasi yang ditetapkan, maka semua anggota KKM harus menerima kain tersebut.

Makluman

3.5.3 Mesyuarat mengambil maklum saranan Y. Bhg. Dato' Sri Pengerusi supaya Wakil Pihak Pekerja melaporkan dan memulangkan kain yang mempunyai masalah kepada Bahagian Khidmat Pengurusan dan kain-kain tersebut akan dihantar kepada SIRIM untuk pemeriksaan piawaian kualiti. Sekiranya kain tersebut tidak menepati kualiti yang ditetapkan tindakan akan diambil ke atas pihak pembekal tersebut.

Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan & Wakil Pihak Pekerja

3.6 Wakil Pihak Pekerja Yang Pasif (4/2007 – 30 November 2007)

3.6.1 Mesyuarat bersetuju supaya Wakil-Wakil Pihak Pekerja melibatkan diri secara aktif di dalam perbincangan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan dan dapat mengemukakan idea-idea dan pendapat yang mampu untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan menjaga kebajikan para anggota Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tindakan : Wakil Pihak Pekerja

4.0 ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN OLEH PIHAK PEKERJA

4.1 Keperluan Kiosk Internet Di Lobi-Lobi KKM (1/2008 – 18 Mac 2008)

4.1.1 Mesyuarat dimaklumkan oleh SUB (BTMK) bahawa di lobi-lobi utama KKM telah mempunyai poin untuk mengakses internet tetapi poin tersebut digunakan oleh Pegawai Khidmat Pelanggan. Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi akan menambah dua (2) poin tambahan di lobi-lobi utama KKM bagi membolehkan pelawat untuk mengakses internet di lobi tersebut. Tambahan poin tersebut akan dilaksanakan pada bulan April 2008.

Tindakan : Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi

4.2 Pakaian Batik (1/2008 – 18 Mac 2008)

4.2.1 Mesyuarat dimaklumkan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan bahawa pemberian insentif pakaian batik ini pernah dikemukakan kepada pihak kerajaan oleh CUEPACS tetapi perkara ini tidak mendapat pertimbangan daripada kerajaan. Oleh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia tidak dapat mempertimbangkan pemberian insentif pakaian batik kepada anggota KKM.

Makluman

4.3 Arahan dan Had Penggunaan Pas Pelawat (1/2008 – 18 Mac 2008)

4.3.1 Mesyuarat dimaklumkan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan bahawa Pegawai Khidmat Pelanggan yang mempunyai kemahiran Bahasa Inggeris akan ditempatkan di kaunter-kaunter utama Kementerian bagi membolehkan mereka memberi penerangan dalam Bahasa Inggeris kepada pelawat-pelawat yang tidak memahami Bahasa Malaysia.

Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan

4.3.2 Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa pada masa ini penggunaan pas pelawat dihadkan mengikut blok sahaja. Walaubagaimanapun cadangan untuk menghadkan penggunaan pas pelawat di kawasan dan masa tertentu sahaja tidak dapat dilaksanakan. Ini kerana, sekiranya arahan ini dilaksanakan ia akan menyulitkan pelawat yang ingin berurusan di Kementerian Kesihatan Malaysia.

Makluman

4.4 Minit Mesyuarat MBJ (1/2008 – 18 Mac 2008)

4.4.1 Mesyuarat dimaklumkan oleh Urus Setia Majlis Bersama Jabatan bahawa pihak urus setia akan mengemukakan minit mesyuarat MBJ kepada Ketua Bahagian / Ketua Jabatan untuk tindakan Bahagian yang terlibat dan seterusnya Bahagian tersebut mengemukakan maklum balas kepada urus setia MBJ sebelum mesyuarat seterusnya diadakan.

Tindakan : Urus Setia & Semua Bahagian

4.5 Urusan Tanggung Kerja (1/2008 – 18 Mac 2008)

4.5.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 tahun 2007 mengenai urusan penanggungungan kerja dalam perkhidmatan awam. Sehubungan dengan itu, Surat Pekeliling mengenai Urusan Tanggung Kerja di Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 6 Mac 2008 telah dikeluarkan dan diedar untuk digunapakai di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

Makluman

5.0 HAL – HAL LAIN

5.1 Deraf Pindaan Perlembagaan (1/2008 – 18 Mac 2008)

5.1.1 Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju dengan pindaan/tambahan di dalam perlembagaan Majlis Bersama Jabatan, Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia yang dibentangkan di dalam Mesyuarat MBJ, IPKKM Bil. 1 / 2008. Pindaan/tambahan perlembagaan tersebut akan dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk kelulusan.

Tindakan : Urus Setia

5.2 Fail Pihak Pekerja MBJ (1/2008 – 18 Mac 2008)

5.2.1 Mesyuarat mengambil maklum permohonan Wakil Pihak Pekerja untuk mendapatkan satu fail Wakil Pihak Pekerja bagi memudahkan kesinambungan tugas dapat dilaksanakan dan disusuli sekiranya berlaku pertukaran Ahli Jawatankuasa Wakil Pihak Pekerja.

Tindakan : Urus Setia

5.3 Penyampaian Sijil Pelantikan Wakil Pihak Pekerja Sesi 2008-2009 (1/2008 – 18 Mac 2008)

5.3.1 Majlis penyampaian sijil pelantikan Wakil Pihak Pekerja sesi 2008-2009 telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Dato' Sri Pengerusi pada Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan, IPKKM Bil. 1 / 2008.

Makluman

6.0 Penangguhan Mesyuarat

- 6.1** Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.30 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Y. Bhg. Dato' Sri Pengerusi.

Disediakan Oleh:
Urus Setia
Cawangan Pengurusan Personel
Bahagian Khidmat Pengurusan

Disediakan Oleh,

.....
(HAMIZUN BIN HAMZAH)

Setiausaha
Majlis Bersama Jabatan
Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia

Disediakan Bersama,

.....
(IDHAM HALIMIE BIN IDRIS)

Naib. Setiausaha Wakil Pihak Pekerja
Majlis Bersama Jabatan
Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia